

## **Najib Umum Sumbangan RM3 Juta Untuk Sek Men Chong Hwa Kuantan**

### **Bernama**

**23 Mac, 2013**

KUANTAN, 23 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak malam ini mengumumkan sumbangan kerajaan berjumlah RM3 juta untuk mengisi tabung pembinaan Sekolah Menengah Chong Hwa, Kuantan.

Ia merupakan sumbangan tambahan kepada RM2 juta yang diberikan kerajaan sebelum ini untuk tujuan sama.

Najib berkata penubuhan sekolah itu merupakan keputusan 'menang-menang' kerana ia selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan memenuhi permintaan kaum Cina.

"Jadi jangan ada sesiapa yang sangsi bahawa Sekolah Menengah Chong Hwa, pelajar-pelajarnya akan ambil dua peperiksaan iaitu Unified Examination Certificate (UEC) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sekali gus.

"Ini bererti mata pelajaran dalam Bahasa Mandarin akan diajar sepenuhnya dalam kurikulum UEC dan mereka juga akan mempelajari kurikulum kebangsaan melalui SPM," katanya pada jamuan malam dan pertunjukan amal untuk mengumpul dana pembinaan bangunan sekolah itu Stadium Darul Makmur di sini, Sabtu malam.

Hadir sama isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob dan isteri, Duta China ke Malaysia Datuk Chai Xi, menteri-menteri Kabinet, Pengerusi Lembaga Pengelola Chong Hwa Kuantan Tan Sri Pheng Yin Huah dan bintang ternama Jackie Chan.

Sekolah yang diluluskan sebagai institusi pendidikan swasta pada 26 Julai tahun lepas itu merupakan sekolah persendirian Cina pertama yang akan dibina di Pahang.

Sebelum ini, satu perhimpunan diadakan oleh 163 persatuan Cina dan beberapa organisasi bukan kerajaan (NGO) pada 20 Mei tahun lepas untuk menuntut kerajaan meluluskan pembinaan sekolah itu di Kuantan.

Kini terdapat 60 sekolah persendirian Cina di Malaysia, kecuali di Pahang.

Pembinaan sekolah itu dianggar menelan belanja RM30 juta dan bakal dibina di tapak seluas 6.07 hektar kira-kira enam kilometer dari bandar Kuantan, dan dijangka siap dalam tempoh dua tahun.

Terdahulu, Pheng dalam ucapannya berkata sejak diluluskan, kerja pembinaan sekolah itu berjalan lancar dan dijangka boleh memulakan sesi persekolahan pada Januari 2014.

Sehingga kini, tabung pembinaan sekolah itu telah mengumpul RM6 juta dan dijangka malam ini kutipan akan melebihi RM10 juta, katanya.

Dalam pada itu, Najib turut mengumumkan RM300,000 daripada kutipan majlis malam ini akan disalurkan kepada Tabung Perwira Negara Lahad Datu.

Perdana menteri berkata sumbangan itu merupakan lambang kesetiaan masyarakat Cina

kepada negara dan penghargaan kepada pasukan keselamatan.

Majlis kutipan amal itu diserikan dengan persembahan artis antarabangsa Jackie Chan dan turut memuatkan lelongan barangan bagi mengisi tabung berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=936885>